

# UMP jalin kerjasama dengan 3 sekolah kluster

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan tiga buah Sekolah Kluster iaitu dengan Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib (SMART), Sekolah Kebangsaan (P) Methodist, Kuantan (MGS) dan Sekolah Kebangsaan Bandar Dua Paloh Hinai Pekan.

Pelbagai program dijalankan berdasarkan kepada bidang kebitaraan sekolah (*niche areas*) iaitu sekolah cemerlang yang mempunyai bidang khusus yang dibangunkan dan dipertingkatkan untuk melonjakkan kekuatan pada sekolah dan menjadi watak sekolah.

Antara bidang kebitaraan tersebut merangkumi aspek akademik, kokurikulum, kebudayaan, sukan dan sebagainya.

Dalam meningkatkan jalinan kerjasama tersebut, baru-baru ini UMP telah menjalankan beberapa program bersama dengan Sekolah Kluster tersebut.

Program-program itu telah dimulakan sejak akhir tahun 2008 dan ianya diteruskan sehingga kini. Antara program-program yang

telah dijalankan adalah seperti program Motivasi Peningkatan Sahsiah Warga Pendidik, Kursus Peningkatan Profesionalisme dan Kursus Bahasa Inggeris kepada guru-guru bukan opsyen.

Program itu telah dilaksanakan secara bersama warga pendidik Sekolah Kebangsaan (P) Methodist, Kuantan (MGS). Program jalinan kerjasama antara MGS dengan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP itu telah terpilih sebagai salah satu program yang aktif dilaksanakan pada tahun 2008 berdasarkan pemilihan pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Dalam pada itu, beberapa program juga turut diadakan bersama dengan pihak SMART. Antarannya ialah Program *Teenager Research & Development Project*.

Menerusi program tersebut, pelajar SMART diberi bimbingan dan tunjuk ajar oleh tenaga pakar daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dalam membangunkan *solar car*, *solar cooker* dan *rocket parachute*. Kerjasama iu telah membuahkan hasil apabila SMART telah dipilih sebagai johan di peringkat Negeri Pahang dalam pertandingan *Solar Cooker* tersebut.

Dalam pada itu, kerjasama ini turut dilaksanakan bersama dengan pihak Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) apabila pelajar diberi pendedahan dan menjalankan ujikaji di makmal FKKSA dalam melaksanakan kajian dan penyelidikan dalam bidang biodiesel dan bioteknologi.

Selain itu, beberapa program turut dirangka bersama dengan pihak Sekolah Kebangsaan Bandar Dua Paloh Hinai termasuk pihak UMP telah menggubah sebuah Lagu Sekolah di samping menjalankan kajian mengenai murid dan kehidupan Orang Kita. Segala usaha yang dijalankan ini adalah merupakan sumbangan UMP kepada masyarakat luar khususnya kepada warga Sekolah Kluster.

Jalinan kerjasama itu bukan sahaja terhad kepada tiga buah Sekolah Kluster sahaja malahan akan bertambah kepada beberapa buah sekolah dalam Negeri Pahang selaras dengan keputusan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia memilih tambahan 60 buah Sekolah Kluster Kecemerlangan.

